

**MAQASID SHARIAH IN MODERN FOODS****MAQASID SYARIAH DALAM MAKANAN MODEN**Sharif Mohd Tahir<sup>i</sup> & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim<sup>ii</sup><sup>i</sup> (Corresponding author). Pelajar Siwazah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. sharif.mtahir@gmail.com<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. izhar.ukm@gmail.com

<b>Abstract</b>	<p><i>The modern food issue is one of the most talked about topics that has attracted greater attention nowadays. The problem is related to the status of the food that has gone through the process of mixing between different materials. This process is done in order to produce quality, nutritious and, attractive foods that meet the people's tastes of today. This study focused on assessing whether modern food thus has been produced meets the objectives of Shariah as prescribed in Islam or vice versa. This study used qualitative method through content analysis and literature study to obtain data to analyze the research. In addition, this research involved only primary sources such as institutions' printed materials, old and contemporary fiqh books, the science of foods' books and so on. Nowadays modern food needs to be reviewed carefully and requires the cooperation of various parties who have the authority in this matter. Islamic scholars already defined principles to facilitate Muslims to make a decision in this matter. As a result, as long as the modern food products meet the maqasid shariah's principles such as the preservation of religion, life, intellect, lineage, and wealth then they are allowed to be consumed by Muslims. However, if is the foods are in violation of any of the five principles then it is illegal for Muslims. This study is highly relevant to the interests of the Muslims to decide whether its good or not for human.to consume modern food/products.</i></p> <p>Keywords: Objectives, Shariah, foods, halal, haram.</p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Isu makanan moden merupakan isu yang mendapat tumpuan dan sering diperkatakan pada masa kini. Permasalahan yang timbul adalah berkaitan dengan status makanan yang telah melalui proses percampuran bahan yang berlainan sumber. Proses ini dilakukan bagi menghasilkan makanan yang lebih berkualiti, berkhasiat, menarik dan menepati citarasa masa kini. Penulisan ini adalah bertujuan untuk mengkaji sama ada makanan moden yang dihasilkan menepati maqasid syariah yang ditetapkan dalam Islam atau sebaliknya. Kajian ini menggunakan metode kualitatif melalui analisis kandungan dan kajian kepustakaan bagi mendapatkan data untuk menganalisis kajian. Selain itu maklumat kajian ini hanya melibatkan sumber-sumber primer seperti bahan-bahan cetakan institusi, kitab-kitab feqh lama dan kontemporari, buku-buku sains makanan dan sebagainya. Makanan moden masa kini memerlukan kepada pengkajian yang teliti dan memerlukan kerjasama pelbagai pihak yang berautoriti dalam perkara ini.</i></p>

	<p><i>Para ulama telah menetapkan prinsip untuk memudahkan umat Islam membuat keputusan mengenai perkara ini. Hasil kajian mendapati sekiranya produk makanan moden tersebut memenuhi prinsip maqasid syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta maka ia dibenarkan untuk diambil manfaat oleh orang Islam. Namun, sekiranya ia melanggar salah satu daripada prinsip yang lima itu maka ia adalah haram bagi umat Islam. Kajian ini sangat relevan bagi kepentingan umat Islam untuk membuat keputusan sekiranya timbul isu berkaitan hukum makanan moden sama ada memberi kebaikan atau keburukan kepada diri manusia.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Maqasid, Syariah, makanan, halal, haram.</i></p>
--	--

## PENGENALAN

Makanan adalah sesuatu yang menjadi keperluan penting kepada manusia dan ia menjadi darah daging manusia. Namun di sebalik keperluan itu, manusia tidak boleh dengan sewenang-wenangnya memakan makanan yang disukai mereka tanpa diteliti terlebih dahulu kandungan makanan tersebut. Ia juga merupakan salah satu daripada maqasid syariah iaitu maqasid menjaga nyawa dan kehidupan. Sekiranya sesuatu produk itu memberi kemaslahatan kepada manusia maka ia diharuskan oleh manusia untuk mengambil manfaat daripadanya. Oleh itu, sebagai umat Islam yang beriman kepada Allah SWT, perlu meletakkan nyawa sebagai perkara yang terpenting yang perlu dijaga sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ

Maksudnya, “Dan janganlah kamu membunuh diri seseorang manusia yang diharamkan oleh Allah membunuhnya kecuali dengan alasan yang benar” (al-Quran. al-Isra’. 17: 33).

Menurut al-Qurtubiyy (1967), ayat di atas menegaskan sesiapa sahaja yang mengabaikan keselamatan diri sama ada yang berbentuk nyawa atau kesihatan adalah berdosa kerana dia telah meninggalkan perkara yang dituntut dalam Islam. Nabi SAW bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya, “Tidak ada mudarat dan tidak boleh melakukan kemudaratannya” (Hadis. Malik. Bab al-Qada’ Fi al-Marfiq. No. 2758).

Berdasarkan kepada kaedah ini, Islam melarang sama sekali manusia menghumban diri ke dalam keadaan darurat sehingga boleh menjejaskan nyawa dan kehidupan mereka. Namun, dalam keadaan tertentu Islam telah membenarkan umatnya memakan makanan yang dilarang namun dengan kadar yang berpatutan. Hal ini untuk mengelakkan manusia daripada memakan makanan yang tidak menepati syarak. Allah SWT berfirman:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أُحِلَّ لَهُمْ قُلْ أُحِلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتُ

Maksudnya, “Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad): Apakah (makanan) yang dihalalkan bagi mereka? (Bagi menjawabnya) katakanlah: Dihalalkan bagi kamu (memakan) yang lazat-lazat serta baik” (al-Quran. al-Ma’idah 5:4).

Namun, pada zaman kini yang pesat dengan pembangunan teknologi, perkembangan produk makanan yang diperbuat daripada pelbagai sumber telah menjadi salah satu persoalan yang seringkali dibincangkan oleh pengguna Islam sama ada

sesuatu makanan moden itu menepati syariat atau sebaliknya. Dengan perkembangan sains dan teknologi yang berlaku, produk makanan yang dihasilkan kini lebih bersifat segera, bervariasi dan menarik.

Senario makanan moden ini menimbulkan pelbagai persoalan dari segi kandungan, sifat dan fizikal bahan campuran serta bahan akhir yang terhasil. Salah satunya termasuklah penggunaan najis dalam penghasilan produk makanan seperti menggunakan plasma darah sebagai agen tambahan dalam makanan seperti yogurt dan juga penggunaan gelatin babi dalam pembuatan makanan moden yang menjadi isu hangat dalam kalangan umat Islam pada hari ini.

### **DEFINISI MAQASID SYARIAH**

Terdapat tiga perkataan yang digunakan iaitu *Maqasid al-Shari'ah* (objektif syariah), *Maqasid al-Syarf* (objektif penggubal syariah Allah) dan *al-Maqasid al-Shariyyah* (objektif syarak). Kesemuanya merupakan perkataan-perkataan yang digunakan untuk menunjukkan makna yang sama (Uthman, 2002). *Al-qasd* dari sudut bahasa mempunyai pelbagai makna. Antaranya, bercita-cita (*al-F'tizam*), pegangan (*al-F'timad*), bersengaja (*al-F'Amad*), meminta sesuatu dan mendatangkannya (Uthman, 2002).

*Maqasid* merupakan matlamat yang ingin dicapai dalam melakukan sesuatu. Dalam konteks ini maqasid yang dimaksudkan ialah matlamat atau objektif yang diletakkan oleh syarak dalam mensyariatkan hukum. Antara istilah popular yang digunakan ialah *maqasid syariah*, *maqasid al-syarf* dan *maqasid syarak* dalam bahasa arabnya. Terdapat pelbagai pendefinisian telah dilontarkan oleh ulama usul fiqh tentang istilah maqasid. Namun ulama terdahulu tidak pernah memberikan maksud yang khusus bagi maqasid, malah imam al-Syatibiyy yang terkenal sebagai tokoh yang mempelopori ilmu maqasid juga tidak pernah memberikan definisi tertentu kepada pengertian maqasid syariah (al-Suyutiyy, 2001).

Namun begitu ia tidak bermaksud bahawa ulama terdahulu tidak memberi perhatian kepada maqasid syarak dalam hukum-hukum syarak. Mereka telah mengeluarkan pelbagai pendapat mereka yang tersendiri dalam menjelaskan makna maqasid syariah dan ulama mutakhir mengguna pakai maksud maqasid syariah dari mereka. Nilai-nilai maqasid syariah ini jelas terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah. Maka, ulama-ulama mengaplikasikan nilai-nilai tersebut dalam membuat ijtihad dan mengeluarkan hukum sesuatu masalah.

### **DEFINISI MAKANAN MODEN**

Isu makanan moden sering hangat diperkatakan ketika ini. Ia berlaku berikutan peredaran zaman dan juga perkembangan teknologi serta kebijaksanaan manusia dalam menghasilkan sesuatu yang baru. Perkara ini berlaku disebabkan faktor-faktor tertentu yang memerlukan kepada penggunaan kejuruteraan bioteknologi dalam makanan agar memenuhi keperluan manusia. Antara faktor utama adalah untuk menghasilkan makanan yang lebih berkhasiat, berkualiti, tahan lama dan juga mampu dihasilkan dalam kuantiti yang banyak dengan kos yang sedikit. Namun, makanan moden yang dihasilkan ini mestilah memenuhi prinsip-prinsip maqasid syariah seperti yang telah ditetapkan.

Pengukuhan sistem keselamatan makanan memerlukan pembangunan kapasiti yang agak besar termasuk infrastruktur. Malangnya pembangunan dan pengukuhan infrastruktur di kalangan agensi-agensi yang bertanggungjawab ke atas keselamatan makanan kini berada di tahap yang berbeza-beza (Batista, R., 2009). Pembangunan kapasiti bagi keselamatan makanan memerlukan pengukuhan infrastruktur berterusan dan diorientasikan semula secara berkala, sejajar dengan kemunculan isu-isu baru berkaitan keselamatan makanan, perkembangan sains dan teknologi, pergolakan antarabangsa, perundangan dan krisis makanan.

Inovasi daripada teknologi-teknologi baru digalakkan bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan, seperti kejuruteraan genetik (*genetic engineering*), radiasi makanan dan pembungkusan atmosfera diubahsuai, dicipta bagi meningkatkan pengeluaran pertanian, memanjangkan tempoh hayat serta meningkatkan kualiti makanan. Namun demikian keselamatan bagi makanan yang dihasilkan melalui teknologi moden masih boleh dipertikaikan (Batista, R., 2009).

Sementara itu, perkembangan dan percambahan ilmu pengetahuan yang berhubungkait dengan diet, pemakanan dan kesan jangka panjang makanan ke atas kesihatan telah mempengaruhi pengguna dalam membuat pemilihan makanan. Dengan itu, peluang ini dieksploitasikan oleh pengeluar makanan untuk mencipta produk baru dan mempromosikannya mengikut citarasa dan kecenderungan pengguna seperti mengadakan akuan pemakanan, akuan kesihatan dan mencipta *food-drug interphase*. Menyedari hakikat ini, satu rangka kerja perlu dibentuk bagi mewujudkan dasar dan panduan bagi pengeluaran makanan novel dan yang terhasil daripada teknologi baru dan menilai kesan teknologi baru terhadap keselamatan makanan.

### **MAQASID SYARIAH DALAM MAKANAN MODEN**

Sebagai umat Islam kita hendaklah memastikan bahawa setiap makanan yang diambil dan makan mestilah halal lagi suci dengan merangkumi semua aspek yang dititikberatkan dalam makanan agar tidak timbul isu keraguan sama ada ia menepati hukum syarak atau sebaliknya.

Dalam isu makanan moden, ulama telah menetapkan garis panduan yang mesti dipatuhi dalam menghasilkan produk makanan moden yang menepati ciri-ciri makanan *halalan tayyiban* dan bebas daripada sebarang keraguan. Pengusaha produk makanan moden mesti memahami konsep makanan halal di sisi Islam agar tidak timbul kesukaran kepada umat Islam untuk turut sama menikmati dan merasai produk makanan moden. Menurut al-Qaradawiyy (1989), konsep *halalan tayyiban* mesti dipatuhi oleh pengusaha dan juga pengendali makanan moden agar dapat mencapai *maqasid syariah* sekaligus menjaga *daruriyyat al-khams* iaitu:

#### **Maqasid Menjaga Agama Dalam Makanan Moden**

Sebagai umat Islam mendahulukan agama adalah sangat dituntut. Setiap perkara yang ingin dilakukan dan setiap masalah yang hendak diselesaikan mestilah didahulukan dengan agama bagi memelihara hubungan antara makhluk dan pencipta. Hal ini kerana agama adalah asas yang penting bagi umat Islam. Allah SWT berfirman:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

Maksudnya, "Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam" (al-Quran. Ali Imran. 3:19).

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT memperakui bahawa Islam adalah agama yang benar di sisi Allah. Maka, kita sebagai umat Islam wajib untuk memeliharanya dalam semua aspek kehidupan termasuklah dalam isu makanan moden.

Penghasilan makanan moden mampu memberi kesan kepada agama yang dianuti masyarakat dunia pada masa kini. Hal ini berlaku apabila terdapat sesetengah pengeluar atau pengusaha produk makanan moden tidak menghiraukan sensitiviti masyarakat yang mempunyai pelbagai latar belakang agama dan budaya. Produk makanan moden yang ada pada hari ini dihasilkan daripada pelbagai campuran bahan-bahan dan terdapat juga sesetengah produk-produk makanan moden yang mengandungi bahan yang haram dimakan oleh umat Islam seperti DNA khinzir dan sebagainya (al-Qaradawiyy, 2000).

Sekiranya perkara ini tidak dipelihara, maka dengan jelas usaha ini telah menghina umat Islam. Allah SWT berfirman:

وَأْمِنُوا بِمَا أَنْزَلْتُ مُصَدِّقًا لِمَا مَعَكُمْ وَلَا تَكُونُوا أُولَٰ كَافِرٍ بِهِ وَلَا تَشْتَرُوا بِآيَاتِي ثَمَنًا قَلِيلًا وَإِيَّايَ فَاتَّقُونَ

Maksudnya, “Dan berimanlah kamu dengan apa yang Aku turunkan iaitu (al-Quran). Ia menegakkan betapa benarnya Kitab yang terdapat pada kamu. Janganlah kamu menjadi golongan terdahulu kafir (ingkar) akan Kitab itu. Selain itu, janganlah pula kamu menjadikan ayat-ayat-Ku (menjualnya dengan nilai yang sangat murah) semata-mata untuk membeli (sesuatu) yang sedikit faedahnya. Sesungguhnya kepada Aku lah sahaja untuk kamu bertakwa” (al-Quran. al-Baqarah. 2:41).

Ayat di atas dengan jelas melarang umat Islam daripada mengabaikan segala larangan dan suruhan Allah hanya untuk mengejar nikmat dunia semata-mata yang bersifat sementara. Maka, sesiapa yang berbuat demikian tergolong di dalam golongan yang menghina Allah dan Rasul-Nya (al-Qurtubiyy, 1967). Justeru, umat Islam mesti bijak dalam memilih makanan agar tidak memakan makanan yang terhasil daripada campuran sumber-sumber yang haram dalam Islam (JAKIM, 2010).

Sebagai contoh, produk kentang transgenik yang berampur dengan sumber haiwan haram. Walaupun terdapat bukti yang kentang transgenik tersebut mempunyai kebajikannya yang tersendiri, namun perlu diingatkan bahawa penghasilannya adalah berasaskan sumber haiwan yang haram dimakan. Setelah dilakukan penelitian, didapati suasana sekarang ini masih belum sampai ke tahap mendesak atau darurat sehingga terpaksa untuk menghalalkan sesuatu yang telah diharamkan.

Oleh sebab itulah, Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 12 Jul 1999 telah bersetuju mengharamkan semua jenis makanan GMF atau GMO yang terhasil daripada sumber-sumber haiwan yang haram dimakan. Ini kerana kajian mendapati bahawa kemudahan produk makanan tersebut adalah lebih banyak berbanding kemanfaatan. Ijtihad yang dibuat ini juga berasaskan kepada kaedah fiqh:

درء المفساد مقدم على جلب المصالح

Maksudnya, “Meninggalkan sesuatu mafsadah (yang dominan) adalah lebih baik daripada mengambil masalah (yang sedikit)” (al-Sullamiyy, 2001).

Kaedah ini memberi maksud, penggunaan GMF yang bersumberkan bahan haram merupakan mafsadah dan meninggalkannya adalah lebih baik walaupun terdapat sebahagian maslahat dalam produk GMF tersebut. Ini kerana mafsadah lebih dominan berbanding maslahat yang hanya sedikit.

### **Maqasid Menjaga Nyawa Dalam Makanan Moden**

Islam amat menitikberatkan umatnya agar mengambil berat mengenai pemeliharaan nyawa dan kehidupan. Sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Quran:

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ

Maksudnya, “Dan janganlah kamu membunuh diri seseorang manusia yang diharamkan oleh Allah membunuhnya kecuali dengan alasan yang benar” (al-Quran. al-Isra’. 17:33).

Berdasarkan ayat di atas, berdosa sesiapa yang mengabaikan keselamatan diri sama ada nyawa atau kesihatan kerana dia telah meninggalkan perkara yang sangat dituntut dalam Islam. Oleh hal demikian, umat Islam mesti memilih makanan moden yang mampu untuk memberikan kesihatan kepada diri bukannya memilih makanan yang

mengundang kesan negatif sekaligus membahayakan nyawa dan kesihatan manusia (al-Suyutiyy, 2001).

Sekiranya umat Islam berminat untuk mengambil manfaat daripada produk makanan moden, umat Islam mesti bijak dalam memilihnya agar ia lebih memberi kemaslahatan berbanding mafsadah kepada agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Sebagai contoh, produk makanan ubah suai genetik (GMF) pertama yang dikomersialkan adalah tanaman tomat dan dikenali sebagai *flavr savr* yang dihasilkan oleh Calgene.

Pada tahun 1992, Calgene telah menghantar tomat ini kepada *U.S. Food and Drug Administration* (FDA) untuk dijalankan ujikaji. Menurut Duman, J.G, De Vries, A.I. (1976), hasil daripada keputusan yang diperolehi FDA, mendapati bahawa tomat tersebut tidak mengandungi bahan yang membahayakan kesihatan, sekali gus tidak memerlukan sebarang label pemberitahuan bahawa ia adalah makanan GM. Keputusan ini juga membolehkan tomat ini dipasarkan secara komersial pada tahun 1994 (Duman et. al., 1976).

### **Maqasid Menjaga Akal Dalam Makanan Moden**

Penjagaan akal merupakan perkara yang sangat dituntut dalam Islam. Hal ini kerana akal merupakan organ yang paling penting dalam diri manusia untuk membezakan antara manusia dan makhluk-makhluk ciptaan Allah yang lain. Justeru, ia wajib dipelihara dan sesiapa yang mengabaikan tanggungjawab tersebut telah meninggalkan suruhan Allah SWT agar menjaga akal sebagaimana firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya, “Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, judi, penyembahan berhala, dan menilik nasib, adalah (semuanya) kotor (keji) dan daripada amalan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya agar tergolong dalam kalangan orang yang berjaya” (al-Quran. al-Ma’idah. 5:90).

Ayat di atas dengan jelas melarang umat Islam daripada mendekati perbuatan perbuatan keji tersebut yang boleh membawa kepada kerosakan akal, akidah dan diri manusia (al-Suyutiyy, 2001). Oleh yang demikian, produk-produk makanan moden yang bercampur dengan bahan-bahan haram seperti arak adalah dilarang keras dalam Islam. Kaedah fiqh ada menjelaskan mengenai perkara ini:

إذا اجتمع الحلال والحرام فغلب الحرام

Maksudnya, “Jika berlakunya percampuran antara sumber yang halal dengan yang haram, maka yang haram akan lebih dominan” (al-Suyutiyy, 2001).

Oleh itu ulama telah bersepakat mengharamkan semua jenis produk makanan yang boleh menyebabkan kepada kerosakan akal. Hal ini kerana untuk memelihara akal daripada rosak akibat memakan makanan yang bercampur dengan arak yang memabukkan (al-Qurtubiyy, 1967). Pandangan para fuqaha ini disusuli dengan kaedah fiqh yang menjadi sandaran kepada hukum produk makanan moden iaitu:

كل مسكر خمر وكل خمر حرام

Maksudnya, “Setiap bahan (sama ada berbentuk cecair mahupun pepejal) yang memabukkan adalah arak dan setiap arak itu adalah haram” (al-Qaradawiyy, 2000).

Secara dasarnya, usaha untuk menghasilkan produk makanan moden memberi kesan yang sangat positif kepada akal, minda dan intelek masyarakat bagi mencapai kecemerlangan hidup. Ini kerana usaha menghasilkan produk menerusi pengubahsuaian

genetik memerlukan kepada khidmat golongan berilmu pengetahuan yang tinggi. Rentetan daripada usaha ini juga, hasrat negara untuk melahirkan golongan intelek dalam bidang bioteknologi makanan moden akan terlaksana.

### **Maqasid Menjaga Keturunan Dalam Makanan Moden**

Makanan moden yang dihasilkan pada hari ini berkembang pesat sehingga setiap genap lapisan masyarakat dapat memperolehnya dengan mudah. Justeru, setiap produk makanan tersebut perlu dikaji agar bebas daripada berlakunya percampuran dengan sumber-sumber haram. Hal ini bagi memastikan kebahagiaan generasi akan datang terjamin dan dapat melahirkan keturunan yang berkualiti. Sebagaimana firman Allah SWT dalam firman-Nya:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ

Maksudnya, “Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik daripada apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu” (al-Quran. al-Baqarah. 2:168).

Melalui dalil di atas dapat dilihat bahawa Islam amat mengambil berat terhadap isu makanan halal dan bersih terhadap umatnya. Hal ini bagi menjaga kemaslahatan umat manusia agak tidak mengambil makanan yang akan memberi kemudharatan terhadap keturunan manusia agar tidak mengikut jejak langkah syaitan.

Objektif untuk memelihara keturunan generasi manusia menerusi perkembangan bioteknologi ini semakin terbukti apabila produk makanan moden sama ada daripada haiwan mahupun tumbuhan memiliki sifat tahan penyakit, rintang terhadap racun rumpai dan serangga. Perkara ini secara tidak langsung telah berjaya membuktikan bahawa produk makanan moden mampu menghasilkan kesan positif terhadap kesihatan manusia dan alam sekitar (Batista, R. & Oliveira, M. M., 2009). Justeru, menghalalkan produk-produk makanan moden yang adalah keputusan yang tepat jika ia benar-benar terbukti dapat memelihara maqasid syariah yang lima.

Setakat ini, para saintis masih belum jawapan yang tepat berhubung dengan kesan makanan moden terhadap kehidupan manusia sama ada ia memberi kesan negatif mahupun positif. Terdapat dakwaan mengatakan makanan moden yang dihasilkan melalui proses bioteknologi mempunyai kesan sampingan negatif yang akan mendedahkan pengguna dengan pelbagai risiko penyakit baharu kesan daripada pengambilan makanan moden sebagai rutin diet harian. Namun, semua itu adalah lebih kepada dakwaan semata-mata dan andaian yang tidak mempunyai fakta yang berasas untuk dijadikan hujah.

Oleh itu, tidak ada hujah yang tepat untuk digunakan dalam penentuan hukum makanan moden apatah lagi untuk mengharamkannya secara total. Islam meletakkan sesuatu perkara itu berdasarkan fakta atau alasan yang kukuh dalam bab penentuan hukum. Justeru, setiap perkara yang perlu ditentukan hukumnya mestilah terbina di atas fakta yang kukuh sama ada ia memberi *maslahah* atau *mafsadah* kepada manusia. Sekiranya *maslahah* yang mendominasi makanan moden tersebut, maka hukumnya adalah halal. Namun, jika dilihat *mafsadah* itu lebih besar maka hukumnya adalah haram.

### **Maqasid Menjaga Harta Dalam Makanan Moden**

Manusia seringkali dikaitkan dengan kecintaan terhadap harta dan kekayaan. Hal ini kerana ia merupakan antara nikmat yang disukai oleh kebanyakan manusia sama ada golongan kaya mahupun miskin. Dalam mendapatkan harta kekayaan manusia sanggup untuk melakukan apa sahaja. Sebagaimana Allah SWT berfirman:

## الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا

Maksudnya, “Harta benda dan anak pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia” (al-Quran. al-Kahf. 18:46).

Islam tidak melarang umatnya daripada mengumpulkan harta, namun setiap harta kekayaan yang dikumpulkan itu mestilah daripada hasil kerja berlandaskan garis panduan yang telah ditetapkan oleh syarak. Hal ini kerana setiap harta anak adam itu akan dipersoalkan di akhirat kelak (al-Suyutiyy, 2001).

Al-Qurtubiyy (1967) berpendapat bahawa setiap perkara yang ingin dilakukan oleh umat Islam mestilah tidak mendatangkan kemudaratan kepada manusia sama ada dalam urusan makanan, minuman, penggunaan, permainan, urusan kewangan dan sebagainya. Jika perbuatan yang dilakukan memberi impak negatif kepada salah satu daripada lima prinsip asas manusia, iaitu agama, nyawa, akal, nasab dan harta, maka hukumnya adalah haram. Sebagaimana firman Allah SWT dalam firman-Nya:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Maksudnya, “Dan belanjakanlah (segala yang terdapat pada kamu) untuk menegakkan agama Allah dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam kebinasaan yang membahayakan (kamu)” (al-Quran. al-Baqarah. 2:195).

Sebagaimana yang sedia maklum daripada kajian-kajian lepas oleh para saintis mendapati produk makanan moden seperti GMF lebih menjimatkan kos dan mampu tahan lebih lama. Hal ini sekaligus, mampu menjimatkan kos dalam kehidupan seharian manusia kerana ia lebih murah berbanding produk yang asal. Selain itu, dengan kelebihan yang mampu untuk tahan lebih lama dapat mengelakkan daripada berlaku pembaziran dalam kehidupan seharian.

Oleh itu, produk makanan moden mestilah memberi kesan yang positif berbanding sebaliknya bagi menjadikannya produk yang sah dan halal di sisi Islam. Selain itu, ia juga perlu mematuhi kehendak maqasid syariah sekaligus meningkatkan taraf kehidupan manusia pada masa hadapan.

### **PENUTUP**

Kesimpulannya, setiap syariat yang diturunkan adalah bertujuan untuk menjaga kemaslahatan manusia dari setiap sudut kehidupan manusia. Ini menunjukkan Islam adalah agama yang mementingkan kelangsungan hidup umatnya dari setiap sudut kehidupan termasuklah permasalahan yang berkaitan dengan isu makanan moden. Setiap produk makanan moden mestilah mengikut prinsip-prinsip maqasid syariah yang telah ditetapkan oleh syarak.

Selain itu, Islam juga menggariskan panduan tertentu kepada umatnya agar memakan makanan yang suci, sihat, berkhasiat untuk kesihatan tubuh badan sekaligus menjaga hubungan antara makhluk dan pencipta. Hal ini kerana tujuan maqasid syariah ialah untuk memelihara kemaslahatan manusia dengan membuka ruang-ruang manfaat kepada mereka dan mengangkat kemudharatan. Justeru, sebagai umat Islam perintah dan larangan Allah itu harus diambil berat bagi mendapat keredaanNya.

## RUJUKAN

- Batista, R. Oliveira, M. M.. 2009. *Facts And Fiction Of Genetically Engineered Food*. Trends in Biotechnology 27 (5): 277-286.
- Duman, J.G. & DeVries, A.I. 1976. *Isolation, Characterization And Physical Properties Of Protein Antifreeze From The Winter Flounder. Pseudopleuronectes americanus Comp Biochem Physiol B* 53: 375-380.
- Ibn al-Qudamah, Shams al-Din. 1984. *Al-Sharh al-Kabir. al-Mughniyy Wa al-Sharh al-Kabir °Ala Matan al-Muqnf fi Fiqh al-Imam Ahmad ibn Hanbal*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Majma° al-Lughat al-Arabiyyah. 1992. *al-Mufjam al-Wajiz*. Mesir: Wizarat al-Tarbiyyah wa al-Ta°lim.
- al-Qaradawiyy, Yusuf. 1989. *al-Halal wa al-Halal fi al-Islam*. Kaherah: al-Maktab al-Islamiyy.
- al-Qaradawiyy, Yusuf. 2000. *al-Halal wa al-Halal fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qurtubiyy, Muhammad Ahmad. 1967. *al-Jami° li Ahkam al-Quran*. Kaherah: Dar al-Kitab al-°Arabiyy.
- al-Sullamiyy, °Iyad bin Namiyy. 2001. *Usul al-Fiqh Alladhi la Yas° al-Fiqhu Jahluh*. Riyadh: Kuliyyat al-Shari°ah.
- al-Suyutiyy, °Abd al-Rahman bin Abi Bakr. 2001. *al-Ashbah wa al-Naza°ir fi Madhhab al-Shaff°iyy*. Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- °Uthman, Mahmud Hamid. 2002. *al-Qamus al-Mubin fi al-Istilahat al-Usuliyin*. Riyadh: Dar al-Zahim.

## Internet

- Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan Malaysia. 2014. <http://fsq.moh.gov.my/v4/index.php/profil-kami/kenali-bkkm/dasar-keselamatan-makanan-kebangsaan/item/395-elemen-elemen-perlu-bagi-dasar-keselamatan-makanan-dan-kesimpulan> (diakses pada 19 September 2016).
- JAKIM. 1999. Portal Rasmi Fatwa Malaysia. (diakses pada 19 September 2016).
- Portal Rasmi Halal Malaysia. 2014. <http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/> mengenai-pensijilan-halal/takrifan-halal (diakses pada 19 September 2016).

## Penafian

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir "International Journal of Islamic Studies" tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*